

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

**PERKAITAN DIANTARA ORIENTASI MATLAMAT, MOTIVASI
INTRINSIK DAN EKSTRINSIK DENGAN PENGLIBATAN
ATLIT INDIVIDU DAN BERPASUKAN
DALAM AKTIVITI SUKAN**

ZATIN @ MOHD. KAMAL KAKOM ABDULLAH

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI SAINS SUKAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2007

JADUAL KANDUNGAN

Muka Surat

DEDIKASI	vi
PENGHARGAAN	vii
SENARAI JADUAL	viii
ABSTRAK	ix

BAB 1	PENGENALAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Penyataan Masalah	6
1.3	Kepentingan Kajian	7
1.4	Objektif Kajian	9
1.5	Persoalan Kajian	10
1.6	Batasan Kajian	12
1.7	Definisi Operasional	13
BAB 2	SOROTON LITERATUR	
2.1	Kajian Berkaitan	23
BAB 3	METODOLOGI	
3.1	Pengenalan	33
3.2	Reka Bentuk Kajian	34
3.3	Kerangka Konsep Kajian	36
3.4	Instrumen Kajian	37
3.5	Prosedur Kajian	39
3.6	Sampel Kajian	40

3.7	Penganalisisan Data	41
BAB 4 DAPATAN KAJIAN		
4.1	Pengenalan	42
4.2	Analisis Demografi Responden	43
4.3	Analisis Data Kajian	45
BAB 5 PERBINCANGAN KESIMPULAN DAN CADANGAN		
5.1	Pengenalan	58
5.2	Perbincangan	60
5.3	Rumusan	63
5.4	Cadangan	64
RUJUKAN		67
LAMPIRAN		
A	Borang Soal Selidik	70
B	Surat Kebenaran Kementerian Pelajaran	77

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1 Taburan Responden Mengikut Jantina	43
2 Taburan Peratusan Responden Mengikut Jenis Sukan	43
3 Taburan Responden Mengikut Umur	44
4 Taburan Responden Mengikut Pengalaman Penglibatan Dalam Sukan	44
5 Analisis Min dan Sisihan Piawai Orientasi Matlamat	45
6 Analisis Ujian t Perbandingan Orientasi Matlamat Atlit Individu dan Berpasukan	46
7 Taburan Min dan Sisihan Piawai Bagi Motivasi Intrinsik	47
8 Ujian t Perbezaan Tahap Motivasi Intrinsik	48
9 Taburan Min dan Sisihan Piawai Bagi Motivasi Ekstrinsik	50
10 Ujian t Perbezaan Tahap Motivasi Ekstrinsik	51
11 Analisis Min, Sisihan Piawai Keutamaan Faktor Intrinsik	52
12 Analisis ujian-t Perbandingan Tahap Motivasi Pemain Senior dan Junior Dalam Latihan Pusat	54
13 Ujian Kolerasi Pearson Diantara Motivasi Intrinsik dengan Ekstrinsik	55

PERKAITAN DIANTARA ORIENTASI MATLAMAT, MOTIVASI INTRINSIK
DAN EKSTRINSIK DENGAN PENGLIBATAN ATLET INDIVIDU DAN
BERPASUKAN DALAM AKTIVITI SUKAN

Oleh

ZATIN @ MOHD KAMAL KAKOM ABDULLAH

Tujuan utama kajian ini adalah untuk melihat perkaitan orientasi matlamat, motivasi intrinsik dan ekstrinsik dengan penglibatan atlet individu dan berpasukan dalam sukan di beberapa buah sekolah menengah terpilih sekitar daerah Kota Kinabalu, Sabah. Instrumen kajian ialah yang digunakan dalam kajian ini ialah (TEOSQ) (Duda & Nicholls, 1989) dan 'Participation Motivation Inventory (PMQ)' yang telah diubahsuai ditadbir ke atas 168 orang responden yang terdiri 84 orang atlet individu dan 84 orang atlet berpasukan. Purata umur responden 13.1 ± 6 tahun. Data dianalisis dengan nilai min, sisihan piawai, ujian t dan kolerasi dengan menggunakan Program '*Statistical Packages for the Social Science*' (SPSS/PC+). Dapatan kajian menunjukkan bahawa tiada perbezaan orientasi matlamat, motivasi intrinsik dan ekstrinsik antara kedua-dua kumpulan atlet individu dan atlet berpasukan. Melalui kajian ini juga penyelidik dapat mengenal pasti bahawa orientasi tugas dan motivasi intrinsik merupakan motif utama yang mendorong penglibatan atlet individu dan berpasukan dalam sukan yang diceburi. Pekali kolerasi orientasi tugas dengan ego ($r = -0.764$) adalah hubungan negatif yang tinggi, intrinsik dengan ekstrinsik ($r = 0.140$) hubungan positif lemah, intrinsik dengan tugas ($r = 0.501$) hubungan positif yang sederhana, ego dengan intrinsik ($r = -0.604$) hubungan negatif yang sederhana, orientasi tugas dengan ekstrinsik ($r = -0.166$) hubungan negatif yang lemah dan orientasi ego dengan ekstrinsik ($r = 0.266$) menunjukkan hubungan positif yang lemah.

ABSTRACT

RELATIONSHIP OF GOAL ORIENTATION AND MOTIVATION BETWEEN INDIVIDUAL AND TEAM SPORT PLAYER AMONG SECONDARY SCHOOL STUDENTS

By
ZATIN @ MOHD KAMAL KAKOM ABDULLAH

The importance of sport in school life points to the need to better understand the goal orientation and motivation of young athlete towards sport activity. This study, therefore, investigated the relationship between participation motivation (reason given for involvement) and achievement goal orientation (how success is construed) within the sports and physical activity environment. In a cross-sectional survey, Kota Kinabalu secondary school students (N=186) who involved in individual and team sport completed the Task and Ego Orientation in Sport Questionnaire (TEOSQ) (Duda & Nicholls, 1989) to assess goal orientation. Participation Motivation Questionnaire (PMQ) Gill, Gross & Huddleston (1983) to assess intrinsic and extrinsic motivation. The findings of this study showed no difference of goal orientation and motivation between individual and team player. Correlation analysis showed a clear relationship between task orientation and intrinsic motivational patterns.

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Setiap atlit yang terlibat dalam aktiviti sukan mempunyai impian dan matlamat tersendiri. Kejayaan mereka adalah bergantung kepada faktor persediaan fizikal, pemakanan, pengurusan dan kesihatan atlit. Shahrudin (2004), menyatakan bahawa kemampuan atlit mencipta kejayaan dalam bidang sukan seringkali dikaitkan dengan orientasi matlamat dan motivasi atlit.

Shahrudin (2004), merumuskan bahawa kejayaan ratu skuasy negara, Nicole Ann David, yang berjaya menjuarai kejohanan Skuasy Dunia dan menaikannya sebagai pemain nombor satu dunia, menunjukkan bahawa terdapat perkaitan di antara sokongan moral keluarga, keinginan untuk menjadi juara (orientasi matlamat dan motivasi atlit). Kejayaan regu badminton Negara Khoo Ken Keat dan Bing Heong dalam Kejohanan

Badminton ALL ENGLAND 2007 banyak didorong oleh sikap jurulatih mereka Raxy Maniaky yang telah berjaya menyuntik dorongan yang begitu tinggi sebagai jurulatih kepada pasangan tersebut.

Senario ini menunjukkan bahawa faktor orientasi matlamat dan motivasi atlit memainkan peranan yang penting untuk memastikan atlit dapat berusaha dengan gigih untuk mencapai matlamat mereka. Peranan oreintasi matlamat, motivasi intrinsik dan ekstrinsik atlit perlu diberi perhatian oleh pihak jurulatih dan pengurus sukan supaya atlit sentiasa dapat mengekalkan motivasi mereka pada tahap yang diperlukan.

Kajian yang melihat perkaitan di antara tahap motivasi atlit, penglibatan dan kejayaan dalam bidang sukan menunjukkan berbagai keputusan yang menarik. Secara umumnya, kajian di kalangan atlit yang berusia di bawah 15 tahun menunjukkan kejayaan dalam bidang sukan seringkali dikaitkan dengan motivasi diri yang berorientasikan tugas (Duda & Whitehead, 1998). Sementara itu, atlit yang berorientasikan ego pula seringkali dikaitkan dengan kegagalan serta tindakan menarik diri dari aktiviti sukan (Duda & Whitehead, 1998). Bagi atlit remaja pula, dapatan kajian menunjukkan kejayaan dalam bidang sukan dikaitkan dengan kedua-dua corak orientasi matlamat atlit. Dapatan yang berbeza ini boleh dikaitkan dengan jenis sukan yang diceburi olah atlit yang dikaji.

Selain itu, perbezaan orientasi matlamat atlit juga boleh dilihat dari segi perbezaan jantina. Kajian dalam konteks ini dilakukan untuk melihat jika terdapat perbezaan dari segi orientasi matlamat atlit lelaki dan wanita dalam menghadapi sesuatu pertandingan.

Data yang diperolehi menunjukkan atlit remaja wanita lebih berorientasikan tugas jika dibandingkan dengan atlit lelaki (Duda, 1989).

Duda (1989) menyatakan orientasi tugas berkait rapat dengan usaha untuk meningkatkan kemahiran, sikap bekerjasama, menjalani gaya hidup yang sihat dan ciri-ciri kewarganegaraan yang baik. Sebaliknya, orientasi ego pula seringkali dikaitkan dengan fokus kepada pencapaian (keputusan), usaha untuk mendapatkan penghormatan diri serta status sosial yang tinggi di kalangan atlet. Selain itu, orientasi ego juga seringkali dikaitkan dengan matlamat untuk mengalahkan orang lain apabila melibatkan diri dengan sukan.

Duda (1989) mendapati atlit yang memiliki skor orientasi ego yang tinggi dan skor orientasi tugas yang rendah mengalami tahap kebimbangan paling tinggi sebelum dan semasa sesuatu perlawanan berlangsung. Atlit ini sukar untuk memberikan tumpuan kepada perlawanan dan sekaligus memberikan kesan kepada prestasi keseluruhan. Kenyataan ini disokong oleh Martens (1987) yang mendapati atlit yang terlalu tinggi tahap kebimbangannya tidak akan mencatatkan keputusan yang baik dalam pertandingan. Atlit ini seringkali gagal mencapai kejayaan kerana matlamat yang berorientasikan ego yang dimiliki memberikan tekanan kepada mereka. Ini akan meningkatkan tahap kebimbangan mereka dan sekaligus menyebabkan mereka hilang tumpuan sepanjang perlawanan. Kesannya, pencapaian mereka akan menjunam.

Dari sudut motivasi pula, kajian menunjukkan kejayaan atlit dalam bidang sukan seringkali dikaitkan dengan motivasi intrinsik dan ekstrinsik. Dorongan yang diperolehi secara dalaman atau luaran akan meningkatkan semangat atlit. Soffian Omar (2002) menyatakan bahawa isu kehebatan atlit Amerika lebih mirip kepada isu sosiologi. Penglibatan atlit kulit hitam bukan kerana kemahiran dan fizikal mereka tetapi lebih kepada kesungguhan mereka untuk menandingi rakyat kulit putih dalam tangga sosial kehidupan di Amerika Syarikat. Rakyat kulit hitam mendapati bahawa menceburi acara sukan dapat menjamin taraf kehidupan yang lebih mewah dan pulangan yang lumayan.

Shaharudin (2002) menyatakan perkara yang menggerakkan, mendesak dan merangsang seseorang itu melakukan sesuatu untuk mencapai matlamatnya adalah motivasi. Motivasi sering dianggap sebagai pendorong kepada manusia untuk bertindak atau melakukan sesuatu demi mencapai matlamatnya. Dalam bidang sukan seorang pengajar, pentadbir, jurulatih atau pemimpin sesuatu program sukan, perlu memahami dan berkeupayaan merangsang motivasi atlit supaya mereka dapat mempamerkan prestasi yang memuaskan seterusnya mencapai matlamat dalam bidang sukan yang diceburi. Atlit juga seharusnya mempunyai keupayaan untuk merangsang dan mengekalkan motivasi sendiri.

Menurut Wann petikan dari (Shaharudin, 2001) motivasi adalah merupakan suatu proses kebangkitan dalam diri individu yang membantu usaha mengarah dan mengekalkan individu melakukan sesuatu yang membantu usaha mengarah serta mengekalkan perlakuan yang diinginkan. Cox (1998) pula mentakrifkan motivasi sebagai

sumber atau alat yang menggalakkan seseorang untuk mencapai matlamat-matlamatnya dan seterusnya berusaha untuk terus mencapai kejayaan yang lebih cemerlang. Kenyataan ini menyokong pengaruh kekuatan motivasi. Motivasi mendesak seseorang untuk mengekalkan matlamat dengan cara berusaha terus-menerus. Manakala Mohd Sofian (2002) mendefinisikan motivasi sebagai penggerak kemahuan dan keinginan atau rangsangan untuk berjaya mencapai sesuatu matlamat.

Untuk melihat hubungan orientasi matlamat, motivasi intrinsik dan ekstrinsik penglibatan atlit dalam bidang sukan, perlu dikaji supaya kita mendapat maklumat yang jelas. Shahrudin (2004), menyatakan atlit muda yang baru menceburi bidang sukan, kayu ukur pencapaian atau kejayaan bergantung kepada corak orientasi matlamat mereka. Manakala atlit yang berorientasikan tugas, kayu ukur pencapaian adalah pencapaian terbaik peribadi (Duda & Whitehead, 1998; Shahrudin, 1998).

Atlit yang berorientasikan ego, seringkali dikaitkan dengan kejayaan mengalahkan orang lain atau memenangi sesuatu pertandingan, walaupun prestasi semasa mencapai kejayaan berada di bawah keupayaan sebenar mereka (Duda & Whitehead, 1998; Shahrudin, 1998). Dalam hal ini, ramai penyelidik mencadangkan supaya pencapaian atau kejayaan dalam sukan dinilai oleh atlit berkenaan berdasarkan kayu ukur mereka sendiri dan bukannya sesuatu yang ditetapkan seperti mendapat tempat pertama, memenangi pingat emas atau kriteria kemenangan yang lain (Duda & Whitehead, 1998) dalam Shahrudin (2004). Ini bertujuan untuk memastikan kita benar-benar dapat

mengukur pencapaian dan faktor yang berkaitan dengannya dari sudut pandangan atlit itu sendiri.

Kesimpulannya, pencapaian atlit dalam sukan berkait rapat dengan orientasi matlamat para atlit serta motivasi intrinsik dan ekstrinsik. Walaupun kejayaan dan penglibatan dalam sukan sebenarnya berkait rapat dengan pelbagai faktor, namun usaha untuk mengkaji perkaitan faktor orientasi matlamat dan motivasi akan memberikan maklum balas mengenai isu peningkatan dan penurunan prestasi atlit dalam sukan.

Adalah diharapkan, dapatan yang diperolehi dalam kajian ini akan menjelaskan perkaitan aspek orientasi matlamat dengan motivasi selain membantu memberi maklumat tentang pendekatan yang sesuai kepada atlit dan jurulatih untuk merealisasikan kejayaan dalam sukan khususnya di kalangan atlit muda di peringkat sekolah. Oleh sebab itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti corak orientasi matlamat, motivasi intrinsik dan ekstrinsik atlit individu dan berpasukan di beberapa buah sekolah menengah terpilih sekitar daerah Kota Kinabalu.

1.2 Pernyataan Masalah

Isu orientasi matlamat dan motivasi dikalangan atlit peringkat sekolah jarang dibincangkan. Ini mungkin disebabkan anggapan masyarakat mahu pun para guru bahawa isu motivasi tidak perlu dipersoalkan dan ianya bukan satu isu yang penting. Namun begitu penyelidik berpendapat bahawa isu ini perlu dikaji memandangkan ramai atlit

peringkat sekolah melibatkan diri dalam kegiatan sukan tetapi terlalu kurang penyelidikan yang dibuat mengenai corak orientasi matlamat dan motivasi yang mendorong mereka melibatkan diri dalam sukan.

Kajian ini dijalankan mengikut perbezaan bidang sukan yang diceburi iaitu sukan berpasukan dan sukan individu. Isu oreintasi matlamat dan motivasi boleh dikaji berdasarkan kepada tanggapan atlit terhadap penglibatan mereka dalam sukan yang diceburi. Guru disekolah merupakan sumber inspirasi pelajar supaya terlibat dalam sukan yang mereka minati. Kegagalan guru memahami oreintasi matlamat, motivasi intrinsik dan ekstrinsik penglibatan pelajar dalam sukan boleh mengakibatkan kepincangan prestasi pelajar dalam sukan yang disertai. Sehubungan dengan itu, guru sebagai sumber pendorong dalam merancang dan merekabentuk aktiviti pelajar dalam sukan perlu merancang aktiviti yang boleh meningkatkan motivasi dan prestasi pelajar.

1.3 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti oreintasi matlamat, motivasi intrinsik dan ekstrinsik dikalangan atlit individu dan berpasukan. Kajian yang dijalankan dapat memberi maklumbalas betapa pentingnya pengukuran oreintasi matlamat, motivasi intrinsik dan ekstrinsik terhadap prestasi dan penglibatan pelajar dalam sukan individu dan berpasukan.

Isu oreintasi matlamat, motivasi intrinsik dan ekstrinsik dikalangan pelajar yang terlibat dalam sukan individu atau berpasukan sepatutnya tidak dipandang remah oleh

sekolah mahupun masyarakat. Shahrudin (2002), menyatakan bahawa faktor orientasi matlamat dalam sukan memainkan peranan penting dalam menentukan pencapaian atlit.

Faktor orientasi matlamat juga dikaitkan dengan faktor motivasi intrinsik dan ekstrinsik.

Faktor-faktor yang disebutkan di atas mempunyai peranan penting dalam meningkatkan prestasi dan penglibatan atlit dalam sukan yang diceburi. Oleh itu guru-guru sukan, pentadbir program sukan, jurulatih dan semua pertubuhan yang terlibat dengan pembangunan sukan perlu menyedari hakikat ini dan merancang program-program latihan yang mengutamakan perkembangan kemahiran yang bersesuaian dengan orientasi matlamat dan motivasi pelajar. Sikap sesetengah jurulatih yang hanya mementingkan kemenangan tanpa mengira apa cara sekalipun haruslah dikikis kerana atlit tidak dapat menerima sebarang tindakan yang melanggar peraturan pertandingan semata-mata untuk memenangi pertandingan.

Oleh itu, berdasarkan kenyataan yang dibincangkan di atas orientasi matlamat dan motivasi atlit yang terlibat dalam sukan, perlu diberi perhatian supaya atlit dapat menentukan matlamat yang jelas sebagai panduan ke arah kejayaan dalam sukan yang diceburi. Oleh itu pengkaji akan cuba melihat orientasi matlamat dan motivasi di kalangan atlit individu dan berpasukan di beberapa buah sekolah menengah sekitar daerah Kota Kinabalu.

1.4 Objektif Kajian

1. Mengenalpasti apakah bentuk oreintasi matlamat atlit sukan individu peringkat sekolah menengah di beberapa buah sekolah terpilih sekitar daerah Kota Kinabalu
2. Mengenalpasti apakah bentuk oreintasi matlamat atlit sukan berpasukan peringkat sekolah menengah di beberapa buah sekolah terpilih sekitar daerah Kota Kinabalu.
3. Mengenalpasti adakah terdapat perkaitan diantara oreintasi tugasan dengan motivasi intrinsik
4. Mengenalpasti adakah terdapat perkaitan diantara oreintasi tugasan dengan motivasi ekstrinsik
5. Mengenalpasti apakah bentuk motivasi atlit dalam sukan individu peringkat sekolah menengah di beberapa buah sekolah terpilih sekitar daerah kota kinabalu..

6. Mengenalpasti apakah bentuk motivasi atlit dalam sukan berpasukan peringkat sekolah menengah di beberapa buah sekolah terpilih sekitar daerah kota kinabalu.
7. Mengenalpasti apakah faktor utama motivasi intrinsik yang mempengaruhi penglibatan atlit individu.
8. Mengenalpasti apakah faktor utama motivasi ekstrinsik yang mempengaruhi penglibatan atlit berpasukan

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini adalah seperti berikut :

1. Apakah bentuk oreintasi matlamat atlit sukan individu peringkat sekolah menengah di beberapa buah sekolah terpilih sekitar daerah Kota Kinabalu..
2. Apakah bentuk oreintasi matlamat atlit sukan berpasukan peringkat sekolah menengah di beberapa buah sekolah terpilih sekitar daerah Kota Kinabalu..

3. Adakah terdapat perkaitan diantara oreintasi tugasan dengan motivasi intrinsik.

4. Adakah terdapat perkaitan di antara oreintasi ego dengan motivasi ekstrinsik.

5. Apakah bentuk motivasi atlit dalam sukan individu peringkat sekolah menengah di beberapa buah sekolah terpilih sekitar daerah kota kinabalu..

6. Apakah bentuk motivasi atlit dalam sukan berpasukan peringkat sekolah menengah di beberapa buah sekolah terpilih sekitar daerah kota kinabalu.

7. Apakah faktor utama motivasi intrinsik yang mempengaruhi atlit sukan individu dan berpasukan dibeberapa buah sekolah terpilih sekitar Kota Kinabalu

8. Apakah faktor utama motivasi ekstrinsik yang mempengaruhi atlit sukan individu dan berpasukan dibeberapa buah sekolah terpilih sekitar Kota Kinabalu

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada pelajar - pelajar sekolah menengah yang terlibat dalam aktiviti sukan permainan individu dan berpasukan di peringkat sekolah menengah dengan mengambil kira beberapa batasan kajian berikut:

1. Kajian ini tidak mengambil kira pemboleh ubah-pemboleh ubah luaran seperti budaya, umur, bangsa dan lain-lain.
2. Format soal selidik adalah berbentuk Skala Likert. Oleh itu, responden terpaksa memilih jawapan-jawapan yang disediakan sahaja dan tidak berpeluang untuk mengemukakan jawapan dan pendapat sendiri.
3. Sikap responden ketika menjawab soal selidik adalah di luar kawalan penyelidik walaupun arahan diberikan dengan jelas.
4. Faktor kejujuran dan keikhlasan responden semasa menjawab soal selidik adalah di luar kawalan penyelidik.
5. Dapatan kajian bergantung kepada keupayaan responden menggunakan persepsi dan daya ingatan mereka tentang sesuatu faktor atau perkara yang dikaji.

1.7 Definisi Operasional

Dalam kajian ini penyelidik merangkumkan definisi konseptual dan operasional ke dalam definisi istilah-istilah yang digunakan di dalam kajian. Definisi istilah yang digunakan ialah:

i. **Orientasi Matlamat**

Arah aliran yang diikuti atau menjadi landasan

(Kamus Dewan Edisi Ketiga ; 1994)

ii. **Orientasi Ego**

Arah aliran yang diikuti atau menjadi landasan berbentuk lebih kepada keutamaan atau kepentingan diri untuk menonjol

(Kamus Dewan Edisi Ketiga ; 1994)

iii. **Orientasi Tugas**

Arah aliran yang diikuti atau menjadi landasan berbentuk tanggungjawab yang perlu dilaksanakan mengikut kewajipan dan tanggungjawab

(Kamus Dewan Edisi Ketiga ; 1994)

iv. **Motivasi**

Pendorong kepada manusia untuk bertindak atau melakukan sesuatu untuk mencapai matlamatnya.

(Sofian Omar ; 2002)

v. Motivasi Intrinsik

Motivasi yang datang dari dalam dan tidak dipengaruhi oleh ganjaran atau pengaruh luaran.

(Sofian Omar ; 2002)

iii. Motivasi Ekstrinsik

Motivasi dalaman ialah pengaruh faktor-faktor luaran yang mendorong seseorang melakukan sesuatu.

(Sofian Omar ; 2002)

iv. Motif Penglibatan

Merujuk kepada tujuan seseorang untuk menyertai sesuatu kegiatan.

(Sofian Omar ; 2002)

v. Atlit Individu

Pelajar atau pemain yang terlibat dalam sukan perseorangan

vi Atlit Berpasukan

Pelajar yang terlibat dalam sukan permainan kumpulan

BAB II

SOROTAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Perhubungan di antara oreintasi matlamat, motivasi intrinsik dan dan ekstrinsik atlit dalam sukan adalah fenomena yang telah lama dikaji. Kajian dan penyelidikan berkaitan motivasi serta kesannya ke atas penglibatan atlit dilakukan untuk mengetahui motif dan status motivasi atlit dalam pelbagai bidang sukan yang diceburi. Oleh itu, penyelidikan mengenai motivasi di kalangan atlit di negara kita perlu menjadi budaya kepada penyelidik seperti yang telah dilakukan oleh pakar psikologi masa lampau dan masa kini kerana hasilnya akan menjadi panduan yang sangat berguna.

Dalam bahagian ini, kita akan melihat secara ringkas beberapa teori yang menjelaskan tentang motivasi berdasarkan model keyakinan diri. Antaranya adalah seperti berikut :

- (a) Teori *Self-Efficacy* Bandura
- (b) Teori Motivasi Kecekapan Harter
- (c) Model Keyakinan Sukan Spesifik Vealey
- (d) Teori Persepsi Kebolehan Nicholls

(a) Teori *Self-Efficacy* Bandura

Self-efficacy berkait rapat dengan keyakinan seseorang individu bahawa beliau berkemampuan serta boleh melakukan sesuatu tugas yang khusus dengan jayanya. Individu yang mempunyai *self-efficacy* ini lazimnya mempunyai keyakinan diri yang tinggi. Tahap *self-efficacy* menjadi kayu ukur sama ada individu tersebut akan menyertai atau menjauhkan diri dari situasi yang berasaskan pencapaian (Cox, 1998) petikan dari Shahrudin(2001).

Mengikut Cox (1998) konsep *self-efficacy* dan keyakinan diri berbeza tetapi kedua-dua konsep ini sebenarnya hampir sama. Bandura (1982) pula menyatakan bahawa dalam situasi yang kompetitif, semakin tinggi tahap *self-efficacy*, semakin tinggi pencapaian individu tersebut serta semakin menurun kebangkitan emosinya. Teori ini menjelaskan bahawa *self-efficacy* merupakan asas kepada kecekapan atau prestasi yang mantap.

(b) Teori Motivasi Kecekapan Harter

Cox (1998) dalam Shaharudin (2001) menyatakan teori ini diilhamkan berdasarkan teori motivasi yang diutarakan oleh White. Teori ini, cuba menjelaskan motivasi pencapaian berdasarkan kepada aspek kecekapan diri atlit oleh Harter, (1978). Teori ini menerangkan bahawa atlit yang berasa mereka mempunyai kecekapan yang diperlukan untuk melaksanakan sesuatu tugas lazimnya akan menghampiri situasi tersebut, manakala mereka yang tidak mempunyai kecekapan yang diperlukan akan menjauhi atau mengelakkan diri dari situasi tersebut. Menurut Harter (1978) dalam Shaharudin (2001) setiap individu mempunyai keinginan serta bermotivasi untuk menonjolkan kecekapan dalam perkara yang melibatkan pencapaian. Oleh itu, untuk memenuhi keinginan tersebut, individu itu akan berusaha untuk menguasai serta memahirkan diri dalam kemahiran tersebut.

(c) Model Keyakinan Sukan Spesifik Vealey

Keyakinan sukan adalah keyakinan yang dimiliki oleh seseorang tentang kemampuannya untuk berjaya dalam sukan (Vealey, 1986) dalam Shaharudin (2001). Situasi ini pula boleh digunakan untuk menjangka prestasi serta perlakuan individu tersebut. Perlakuan ini akan menzahirkan persepsi yang subjektif termasuklah terhadap keputusan pertandingan tersebut. Contoh persepsi yang subjektif termasuklah kepuasan pemain, persepsi terhadap keputusan pertandingan serta sebab-sebab kekalahan atau

kemenangan. Persepsi yang subjektif ini pula mempengaruhi serta dipengaruhi oleh orientasi kompetitif atlet serta tret personaliti keyakinan sukanr'a.

Vealey (1986, 1988) dalam Shaharudin (2001) berusaha untuk menjelaskan fenomena motivasi pencapaian dan keyakinan diri dalam bidang sukan dengan merujuk sukan secara spesifik. Model ini dibina berdasarkan pemerhatian dalam bidang sukan secara langsung tanpa meminjam kaedah atau pendekatan dari bidang yang lain seperti teori-teori yang telah dibincangkan sebelum ini. Kajian yang telah dilakukannya menampakkan kesan yang positif. Ia juga menjelaskan fenomena bagaimana atlet yang berjaya dalam sesuatu bidang sukan membawa bersama keyakinannya untuk terus berjaya dalam sukan yang baru.

(c) Teori Persepsi Kebolehan Nicholls

Teori ini boleh dianggap sebagai gabungan dan lanjutan Teori *Self-Efficacy* Bandura dan Teori Motivasi Kecekapan Harter (Shaharudin, 2001). Ia melihat motivasi pencapaian berdasarkan fasa pembangunan manusia. Menurut Nicholls (1984) dan Duda (1987) motivasi pencapaian boleh dilihat berdasarkan bagaimana kanak-kanak membentuk persepsi tentang kebolehan diri mereka.

Secara amnya Duda, Olsen dan Templin (1991) dan Shaharudin (2001) melaporkan bahawa atlet yang berorientasikan tugas cenderung kepada strategi dan usaha untuk meningkatkan kemahiran diri serta menggunakan prestasi sendiri sebagai